



Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG STATE SECRETARY OF PAHANG

SUK.PHG/PSM.001/2.162 (41)

---

### SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG BILANGAN 1 TAHUN 2013

---

#### PELAKSANAAN PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU DI SETIAP BAHAGIAN / UNIT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

#### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ini dikeluarkan bagi tujuan melaksanakan program pembudayaan ilmu di setiap bahagian/unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

#### 2. LATAR BELAKANG

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 tahun 2005 : Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam, pembangunan personel merupakan proses peningkatan kebolehan, kemahiran pengetahuan dan sikap kalangan pegawai selaras dengan kemajuan dan perubahan dalam organisasi. Sehubungan itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang sentiasa melaksanakan pelbagai usaha bagi mendorong semua kakitangan untuk meningkatkan potensi, kebolehan dan keyakinan diri melalui program pembudayaan ilmu.

### 3. PELAKSANAAN

Program pembudayaan ilmu perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali di setiap Bahagian / Unit. Pengisian, tempat dan masa program adalah ditentukan oleh Ketua Bahagian / Unit masing-masing. Pelaksanaan program perlu direkodkan dan dilaporkan kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) selepas seminggu tamat program.

### 4. PEMAKAIAN

Semua Bahagian / Unit di Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang adalah tertakluk di bawah peruntukan Surat Pekeliling ini.

### 5. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

*"Komited, Proaktif, Responsif"*

*"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"*

(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)

Tarikh : *01/02/13*

Salinan kepada :-

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)  
Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit, Pejabat SUK Pahang